

Strategi sesuai selesai konflik

M/6:2

BH - 9/2/2020

Sebarang perancangan membela hak dan nasib rakyat Palestin yang ditindas Amerika Syarikat (AS), Israel dan beberapa negara blok Eropah tidak boleh bermatlamatkan dendam dan kemarahan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Jika berbekalkan dendam, Perdana Menteri bimbang pihak berkenaan akan bertindak di luar jangka sehingga mengancam nyawa manusia tidak bersalah disebabkan perasaan marah dan kecewa dengan apa yang berlaku terhadap penduduk Palestin.

"Membantah sahaja tidak mencukupi, sebaliknya perlu berusaha untuk memenangi perjuangan dengan syarat kita mempunyai strategi yang sesuai. Ini sepatutnya diberi perhatian dan penekanan oleh ahli Parlimen supaya mereka boleh membantu strategi untuk memenangi perjuangan berkenaan.

"Tindakan balas dendam bukan bersandarkan kemarahan dan kekecewaan dengan meletupkan diri sehingga mengorbankan banyak nyawa tidak bersalah.

"Dengan strategi betul, objektifnya adalah untuk menang dan bukan membalas dendam, sekali gus dapat menegakkan keadilan kepada rakyat Palestin dan semua pihak," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Liga Ahli Parlimen Untuk al-Quds, semalam.

Dr Mahathir menegaskan, senjata bukan penyelesaian mutlak terhadap konflik Israel-Palestin atau mana-mana negara sekalipun.

"Letak bom di badan sendiri, letup diri sendiri adalah tindakan yang tidak membantu perjuangan. Ia cuma membunuh banyak nyawa tidak bersalah, termasuk kanak-kanak. Ia jelas tidak membantu dalam isu Palestin.


"Ada langkah dan strategi lain yang lebih sesuai untuk menye-

lesaikan isu di Palestin dengan cara memenangi hati dan fikiran semua orang. Krisis keadilan dan keamanan yang membuatkan nasib rakyat Palestin tersasar hingga hak mereka dinafikan di tanah air sendiri tidak mendapat perhatian sewajarnya.

"Tanah dirampas, pendudukan haram, tiada pampasan, tidak langsung pedulikan perasan rakyat Palestin, menggambarkan betapa jijiknya ketidakadilan," kata Perdana Menteri dan secara sinis membayangkan perasaan AS jika sebahagian wilayah Texas dituntut sebagai milik Malaysia.

"Apa yang akan AS lakukan jika Malaysia mengakui sebahagian Texas milik kita? Ini yang dialami rakyat Palestin. Adakah disebabkan negara itu lemah dan tidak mendapat banyak sokongan, mereka (Israel) sewenang-wenangnya boleh menakluki Palestin.

"Tindakan Israel ini menunjukkan mereka banyak belajar daripada pemerintahan Nazi di Jerman suatu ketika dahulu yang merampas tanah orang lain. Ini bukan teladan yang betul," katanya.

 **Dengan strategi betul, objektifnya adalah untuk menang dan bukan membalas dendam, sekali gus dapat menegakkan keadilan kepada rakyat Palestin dan semua pihak.**

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri